



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PATRIOTISME DALAM NOVEL KOMPONEN SASTERA
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU***

MAIZATUL AKMA BINTI AZIZ

FBMK 2022 10



**PATRIOTISME DALAM NOVEL KOMPONEN SASTERA
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

Oleh

MAIZATUL AKMA BINTI AZIZ

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Jun 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Titipan tulus ikhlas untuk insan tersayang arwah ayahanda **Aziz bin Sidek**
bondaku, **Maimunah binti Hj. Jamil**

Suami tercinta, **Uzaimi bin Mohd Nasir** baktimu, budimu, jasamu dan
pengorbananmu tertanam teguh di lubuk hati, amanahmu kudakap kukuh
kepercayaanmu kugenggam utuh

Buat anakanda-anakanda ku tersayang
Mohd Syukri Harish, Farah Nabilah dan Farah Zelliena
terima kasih kerana memahami hingga ke saat ini

Sekalung penghargaan buat adinda-adinda
yang tersayang terima kasih atas sokongan kalian serta kaum keluarga terdekat

Jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya iaitu
Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi
Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin
Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah

Yang sentiasa memberi dorongan dan kata-kata semangat untukku terus berjuang
yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu
Kulakarkan jutaan terima kasih atas segala ilmu
Jasa kalian akan kukenang hingga ke akhirnya..

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PATRIOTISME DALAM NOVEL KOMPONEN SASTERA
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

Oleh

MAIZATUL AKMA BINTI AZIZ

Jun 2021

Pengerusi : Prof. Madya Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Patriotisme ialah tingkah laku, semangat dan tindak-tanduk yang menjurus kepada gagasan dan usaha mengawal kepentingan, maruah dan kedaulatan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, agama, keselamatan, undang-undang, dan sebagainya. Generasi muda yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dapat meningkatkan martabat bangsa dan negara serta menjadi pelengkap kepada kecemerlangan negara. Tujuan kajian ini adalah untuk mengklasifikasi, menganalisis dan merumus novel-novel yang mempunyai elemen patriotisme yang menjadi teks wajib KOMSAS. Kajian dan analisis ini dilakukan bagi mengenal pasti bahawa novel-novel yang dipilih pada peringkat ketiga ini dapat mengisi kelompangan-kelompangan teks wajib terdahulu setelah penukaran teks KOMSAS dilakukan, dalam menyemai unsur patriotisme, yang kesemua pelajarannya berada dalam lingkungan remaja. Sebanyak 20 buah novel yang dikaji yang merangkumi novel tingkatan satu hingga ke tingkatan lima. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan menerusi kaedah bacaan rapi. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) dalam mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen patriotisme ini hadir dalam novel-novel yang dikaji. Signifikan kajian ialah terbinanya kerangka elemen patriotisme hasil janaan daripada Teori Pengkaedahan Melayu. Terdapat lima elemen patriotisme yang ditemui oleh pengkaji iaitu elemen patriotisme ekonomi, patriotisme budaya, patriotisme pendidikan, patriotisme kesopanan dan kesuksesan serta patriotisme kerohanian. Patriotisme pendidikan serta patriotisme kesopanan dan kesuksesan merupakan elemen patriotisme yang dominan diketengahkan oleh pengarang dalam hasil karya mereka berbanding dengan tiga elemen yang lain. Namun begitu, kesemua elemen ini tidak menyeluruh diketengahkan kerana dipaparkan menerusi unsur-unsur pengajaran dari segi jalan cerita serta watak dan perwatakan dalam novel, bersesuaian dengan Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat, Pendekatan Gunaan, Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni yang diguna pakai dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PATRIOTISM IN NOVEL LITERATURE COMPONENT FOR
MALAY LANGUAGE**

By

MAIZATUL AKMA BINTI AZIZ

June 2021

Chairman : Assoc. Associate. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Patriotism is the behavior, spirit and actions that lead to the idea and effort to control the interests, dignity and sovereignty of nations and countries in various areas of life such as economics, politics, social, international relations, sovereignty, culture, religion, security, law, etc. The young generation who has a high spirit of patriotism can enhance the dignity of the nation and country as well as being complement to the country's excellence. The purpose of this study is to classify, analyze and formulate novels that have elements of patriotism that are mandatory texts of KOMSAS. This study and analysis was done to identify that the novels selected in this third stage can fill the gaps of the previous mandatory text after the text conversion of KOMSAS is done, in instilling elements of patriotism, all students are in adolescence. A total of 20 novels were studied which included novels from form one to form five. The methodology used is a qualitative approach by using library research through the method of careful reading. This study applies the Theory of Malay Methodology (Hashim Awang) in achieving the objectives of the study. The findings of the study indicate that this element of patriotism is present in the novels studied. The significance of the study is the construction of the framework of patriotism elements generated from the Malay Methodology Theory. There are five elements of patriotism found by the researcher, namely the elements of economic patriotism, cultural patriotism, educational patriotism, patriotism of decency and morality and spiritual patriotism. Educational patriotism as well as patriotism of decency and morality are the dominant elements of patriotism highlighted by the authors in their work as compared to the other three elements. However, all these elements are not comprehensively highlighted because they are displayed through teaching elements in terms of storyline as well as characters and characters in the novel, in accordance with the Moral Approach, Premonition Approach, Applied Approach, Dakwah Approach, Community Approach and Art Approach used in Malay Methodology Theory.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala Pujian kehadiran Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W.

Dengan penuh rasa syukur serta izin dan rahmat Allah S.W.T. yang tidak terhingga dan tidak ternilai maka kerja-kerja penulisan tesis doktor falsafah ini dapat disempurnakan dalam masa yang dijangkakan.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin dan Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah atas bimbingan, tunjuk ajar, saranan, dan panduan yang sangat berguna kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh mereka akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah S.W.T.

Selain itu, sekalung jutaan terima kasih buat ibunda, suami serta anak-anak tercinta dan keluarga tersayang kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya perlukan.

Sekian, terima kasih.

Nama
No. Matrik
Alamat

No. Telefon
Email

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penilaian adalah seperti yang berikut:

Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Februari 2022

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli; Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Maizatul Akma binti Aziz, _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GRAF	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian/Skop Kajian	11
1.6.1 Batasan Bahan	11
1.6.2 Batasan Aspek	13
1.7 Metodologi Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	15
1.8.1 Patriotisme	15
1.8.2 Novel	17
1.8.3 Komponen Sastera (KOMSAS)	18
1.9 Kesimpulan	19
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian tentang Elemen Patriotisme dalam Karya Sastera	21
2.3 Kajian Lepas tentang Teks KOMSAS	30
2.4 Kesimpulan	45
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	47
3.2 Pembahagian Bab	47
3.3 Kajian Perpustakaan	48
3.4 Penggunaan Teori	49
3.4.1 Teori Pengkaedahan Melayu	51
3.4.2 Pengkaedahan Alamiah	53
3.4.3 Pengkaedahan Keagamaan	56
3.5 Justifikasi Pemilihan Teori	58
3.6 Proses Mengklasifikasi Elemen Patriotisme	61
3.7 Proses Menganalisis Data	62
3.8 Langkah-langkah Menganalisis Data	63
3.9 Model Kerangka Kajian	63

3.10	Kesimpulan	65
4	ANALISIS DAN DAPATAN	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Analisis Elemen Patriotisme dalam Novel KOMSAS	67
4.2.1	Elemen-elemen Patriotisme	68
4.2.2	Patriotisme Ekonomi	75
4.2.3	Patriotisme Budaya	92
4.2.4	Patriotisme Pendidikan	106
4.2.5	Patriotisme Kesopanan dan Kesusilaan	128
4.2.6	Patriotisme Kerohanian	143
4.2.7	Kesimpulan	157
4.3	Rumusan Elemen Patriotisme yang Dominan dalam novel Komponen Sastra	158
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	168
5.2	Rumusan	168
5.3	Cadangan	173
	BIBLIOGRAFI	175
	LAMPIRAN	211
	BIODATA PELAJAR	231
	SENARAI PENERBITAN	232

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Teks Novel KOMSAS Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima	12
4.2.1	Patriotisme Ekonomi dalam Novel KOMSAS	91
4.2.2	Patriotisme Budaya dalam Novel KOMSAS	105
4.2.3	Patriotisme Pendidikan dalam Novel KOMSAS	127
4.2.4	Patriotisme Kesopanan dan Kesusilaan dalam Novel KOMSAS	142
4.2.5	Patriotisme Kerohanian dalam Novel KOMSAS	156
4.3.1	Rumusan Elemen Patriotisme dalam Teks Novel KOMSAS	159
4.3.2	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Satu	160
4.3.3	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Dua	161
4.3.4	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Tiga	162
4.3.5	Elemen Patriotisme Dominan dalam novel KOMSAS Tingkatan Empat	164
4.3.6	Elemen Patriotisme Dominan dalam novel KOMSAS Tingkatan Lima	165
5.2.1	Rumusan Elemen Patriotisme dalam Novel KOMSAS	171

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Teori Pengkaedahan Melayu	50
3.2	Model Kerangka Kajian	64
4.1	Konsep Patriotisme dalam Novel Komponen Sastera	74
4.2	Elemen Patriotisme dalam Novel KOMSAS	75



SENARAI GRAF

Graf		Halaman
4.2.1	Patriotisme Ekonomi dalam Novel KOMSAS	92
4.2.2	Patriotisme Budaya dalam Novel KOMSAS	106
4.2.3	Patriotisme Pendidikan dalam Novel KOMSAS	127
4.2.4	Patriotisme Kesopanan dan Kesusilaan dalam Novel KOMSAS	142
4.2.5	Patriotisme Kerohanian dalam Novel KOMSAS	156
4.3.1	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS	161
4.3.2	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Dua	162
4.3.3	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Tiga	163
4.3.4	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Empat	164
4.3.5	Elemen Patriotisme Dominan dalam Novel KOMSAS Tingkatan Lima	166

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Sastera
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
IKM	Institut Kemahiran Mara



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang Kajian

Sastera ialah alatan dan ekspresi bangsa Melayu yang terpenting kerana di dalamnya tercakup karya-karya agama, adat istiadat, hukum, sejarah, salasilah, perubatan dan sebagainya (Muhammad Haji Salleh, 2003:37). Menurut Chong Ah Fock (2018:312), karya sastera ialah produk manusia kreatif yang menggunakan bahasa konotatif dalam menghasilkan karya bertulis seterusnya memperkaya kebudayaan sesuatu bangsa yang juga melambangkan ketamadunannya. Manakala, Chew Fong Feng (2013:6) pula berpendapat, kesusasteraan adalah sebagai media untuk meresapkan nilai-nilai rasa, menghidupkan semangat, dan berupaya merangsang untuk membentuk keperibadian yang sopan dan mulia, serta berupaya mencipta pelaku-pelaku yang boleh berfikir dan membuat tindakan secara matang. Selain itu, kesusasteraan menjadi peranan utama menyampaikan ilmu pengetahuan serta sebagai penyubur daya kreatif dan imaginatif.

Dalam hal ini, Shanon Ahmad (1994:19) pula berpendapat bahawa sastera ialah keperihalan kemanusiaan yang sebenarnya yang memaparkan lontaran idea, amanat, keputusan, fikiran pengarangnya yang mencerminkan daya fikir dan gagasan. Sesuatu yang terbit daripada cantuman daya rasa, peka terhadap sesuatu, dan rasa prihatin terhadap sesebuah karya itu terhasil daripada apa-apa yang dialami dan diamati oleh pengarang yang banyak tersembunyi dan tersirat keperihalan yang ingin disampaikan. Oleh itu, kesusasteraan ialah satu proses yang selari dengan kehidupan manusia serta dekat dengan jiwa manusia. Kesusasteraan memainkan peranan penting dalam melahirkan manusia yang berimaginatif, berhati mulia, berpengetahuan, mendorong manusia ke arah nilai-nilai yang positif menerusi hasil kesusasteraan serta memberi impak yang berkesan sebagai alat dan cermin kehidupan yang tersurat dan tersirat.

Selain sebagai semua hasil seni yang disampaikan melalui bahasa, kesusasteraan juga merupakan salah satu alat untuk mendidik anggota masyarakat. Sejak zaman Plato dan Aristotle, persoalan-persoalan kesusasteraan berhubung kait dengan pendidikan jelas terpancar. Dalam hal ini, kesedaran terhadap pentingnya pendidikan bagi pembinaan diri, masyarakat dan negara telah wujud bersama-sama dengan tamadun manusia. Menurut Braginsky (1994:41), kesusasteraan bukan hanya setakat hasil karya pengarang, tetapi kesusasteraan itu sendiri merupakan medium “pengarang” dalam menjelaskan kata-kata pada halaman memori manusia seterusnya dapat membentuk sifat atau sikap khalayak pembaca. Karya sastera membincangkan sesuatu yang terjadi dan terlibat pada sesuatu masyarakat sambil mengutarakan pandangan, tingkah laku, dan nilai tertentu. Oleh itu, karya sastera secara tidak langsung datang bersama-samanya elemen nilai yang mempunyai kaitan dengan kemasyarakatan, budaya dan agama. Salah satu karya sastera yang mendominasi dunia kesusasteraan ialah genre novel.

Novel merupakan salah satu medium yang dilihat dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada umum kerana novel berperanan penting dalam gerakan kesedaran bangsa sejak kemunculannya pada tahun 1922. Novel yang mula-mula lahir ialah *Kecurian Lima Million Ringgit* (1922) oleh Haji Muhammad bin Muhammad Said dan *Hikayat Faridah Hanum* (1925/1926) oleh Syed Syekh al-Hadi. Penglibatan penulis yang prolific membawa isu-isu tentang semangat kebangsaan pada zaman sebelum perang dan era awal sesudah perang amat dihormati oleh masyarakat. Hal ini disebabkan oleh gerakan keintelektualan seperti wartawan Melayu dan golongan guru, ahli fikir Melayu yang sangat aktif bergiat dalam bidang politik yang bergabung dengan golongan cendekiawan Melayu dalam menghasilkan novel (Hashim Ismail, 2007:28). Kesimpulannya, peranan novel dalam menyuntik semangat kebangsaan telah wujud sejak awal lagi untuk mengangkat kepentingan dalam membangunkan bangsa dan negara serta menyuburkan semangat patriotisme dan nasionalisme.

Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz (2009:1) patriotisme ialah sebuah konsep tentang semua yang mempunyai kaitan dengan tanah air. Warisan dan wawasan yang membentuk kenegaraan adalah berasaskan sejarah dan kehidupan yang rakyat lalui dalam sesebuah negara. Oleh itu, patriotisme merujuk perasaan dan kesetiaan tanpa berbelah bahagi kepada negara dan menjadi unsur utama nasionalisme. Sejak zaman dahulu kala, pemimpinlah yang mengetuai rakyat disesebuah negara, maka corak kepimpinan dan kehidupan mereka membentuk pelbagai liku sejarah yang diwarisi oleh mereka. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa hubungan rakyat dan negara diikat oleh semangat patriotisme. Hasil kesusasteraan terutamanya novel yang berperanan dalam membentuk jati diri warganya ketika ini adalah rentetan daripada kejadian yang berlaku pada masa lalu. Kesimpulannya, pengarang kreatif pada era dahulu menyinarkan semangat patriotisme dan nasionalisme melalui karya mereka. Sebagai karya perjuangan, karya patriotisme merupakan hasil ciptaan yang memuatkan ideologi dan pemikiran dalam meningkatkan kesedaran dan berperanan ke arah mewujudkan kebebasan atau kemerdekaan dan autonomi.

Menurut Jeniri Amir (2005:21), bagi merungkaikan wacana metanaratif penjajah, karya sastera perjuangan digunakan adalah untuk memperlihatkan tema mengesampingkan, ketidaksamaan, pengasingan, dan mendiskriminasi anak watan oleh pihak penjajah. Sebelum Perang Dunia Kedua dan menjelang kemerdekaan, golongan pujangga muncul sebagai pejuang penting dengan meletakkan nasionalisme dan patriotisme sebagai perkara utama ketika berkarya. Mereka sedar bahawa *survival* dan kedaulatan bangsa perlu diperjuangkan, maka, salah satu wahana berkesan adalah menerusi karya sastera. Oleh sebab itu, pengarang menyuntik semangat nasionalisme dan patriotisme menerusi hasil karya mereka sebagai alat untuk menaikkan semangat anak bangsa. Oleh itu, sastera berperanan menjadi pendorong dan pendukung aspirasi bangsa menuju kemakmuran, keadilan, perdamaian, dan kesejahteraan manusia, selain membangkitkan jiwa masyarakat untuk menentang penjajah agar negara merdeka dapat ditegakkan.

Seterusnya, menurut S. Husin Ali (1982:21), sastera mencerminkan keadaan masyarakat dan melaluinya sasterawan atau penulis menyuarakan pendapat atau

sikap mereka terhadapnya. Melalui sastera, penulis dapat menimbulkan dorongan serta keinginan untuk mengubah masyarakat menuju matlamat yang progresif. Menurut Chew Fong Peng (2016:143), terdapat anggapan bahawa sastera dilahirkan sebagai pengantara dengan masyarakat menerusi bentuk pengucapan yang kreatif. Sebagai manusia yang hidup dalam keadaan dan zamannya, pengarang rasa bertanggungjawab merakamkan pergolakan, ketegangan, penyelewengan masyarakat tanpa rasa gentar (Jeniri Amir 2005:20). Menurut Usman Awang (1983:77-78) pula, sastera tidak wujud dalam ruang kosong tanpa manusia. Oleh itu, pengarang berperanan memaparkan kebenaran serta desakan hidup yang berlaku dalam masyarakatnya tanpa sebarang prejudis. Hal ini sejajar dengan pandangan Hoggart (1996:226-227) bahawa sastera yang baik ialah sastera yang menciptakan kembali desakan hidup. Kesimpulannya, sastera menjadi medan untuk rakyat menyuarakan ketidakpuasan hati berkaitan sesuatu isu yang berlaku dalam setiap zaman yang dilalui oleh mereka.

Patriotisme dan nasionalisme adalah salah satu faktor yang mendorong ke arah pembinaan masyarakat yang berkemampuan dan teguh. Dalam keadaan ini, generasi muda merupakan tunas yang bermakna dalam membawa keuntungan berbangsa dan bernegara. Penumpuan terhadap generasi muda perlu diutamakan untuk menzahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab dan memiliki jati diri ke arah kesempurnaan kehidupan yang lebih dinamik dan proaktif. Melaluinya, akan lahir jiwa yang patriotik, nasionalis dan semangat bernegara yang kental dalam pelbagai bidang untuk memberi sokongan kepada kemajuan dan pembangunan negara yang lebih bermakna. Menurut Keris Mas (2013:21), masyarakat dan orang Melayu menerima pendidikan hidup yang hebat sekali pada zaman penjajahan Jepun. Maka, medium yang paling hampir kepada kanak-kanak dan remaja untuk penerapan nilai patriotisme adalah melalui bidang pendidikan.

Sastera merupakan medium penting yang bertugas sebagai alat pendidikan dalam sistem pendidikan negara. Menurut Rohizani Yaakub, (2001:37), sistem pendidikan menjadi medan terpenting dalam membentuk keperibadian anak bangsa, merupakan wadah utama untuk membangunkan negara dengan jayanya, di samping mempunyai fungsi sebagai saluran yang utuh untuk menggapai perpaduan serta keamanan dan keselamatan bangsa dan negara. Hal ini turut disokong oleh Hayati Ismail (2018:6) yang menyatakan bahawa pendidikan menjadi tunjang kemajuan sesebuah negara. Pendidikan juga menjadi titik penentu masa depan sesebuah negara (Abdul Ghani Ahmad, 2018:5) dalam melahirkan generasi muda yang berwibawa kerana wajah manusia yang ingin dilahirkan sudah tentu merupakan wajah manusia yang cantik dan terbaik. Insan yang kamil akan membentuk keluarga yang sempurna, impaknya akan terlahir masyarakat serta bangsa yang syumul dan unggul. Selain itu, karya sastera seseorang boleh membangunkan pemikiran dan keinsanan seseorang individu. Sekiranya jiwa dan pemikiran rakyatnya berjaya dibangunkan dengan baik maka negara itu akan dihuni oleh warganegara yang bertanggungjawab (Misran Rokimin 2008:11). Oleh itu, warganegara yang bertanggungjawab ialah warganegara yang tidak memikirkan kepentingan peribadi tetapi sanggup berkorban dan berjuang demi negara tercinta dengan mempunyai semangat sayang kepada negara yang tinggi.

Semangat cinta akan negara dapat disemai menerusi karya sastra. Peranan sastra sebagai wahana bagi menyemarakkan perasaan cinta akan tanah air dalam kalangan masyarakat bagi sesebuah negara dapat dilihat menerusi hasil karya penulis-penulis. Oleh itu, karya yang bertemakan patriotisme perlu senantiasa disisipkan dalam penghasilan karya pada setiap zaman dan suasana untuk mengekalkan semangat patriotisme dalam diri setiap rakyat. Menurut Lee Lam Thye (Berita Harian, 04 September 2018) patriotisme memainkan peranan penting bagi keamanan dan kemajuan sesebuah negara. Pelbagai usaha boleh dilaksanakan oleh pihak yang berkuasa dalam meningkatkan nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda. Salah satunya adalah menerusi bidang pendidikan.

Sejajar dengan itu, Komponan sastra atau KOMSAS telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada 22 Jun 1999. Mulai Mac 2000, pelaksanaan KOMSAS dilakukan secara berperingkat sebagai komponen Bahasa Melayu di sekolah menengah bagi tingkatan satu dan tingkatan empat. Menurut Nawi Ismail (2018:7), pelajar tingkatan empat dan lima khususnya, bermula dengan tarikh tersebut dikehendaki mempelajari beberapa genre kesusasteraan daripada bahan yang sudah pun ditetapkan mengikut zon. Menerusi mata pelajaran bahasa Melayu, komponen kesusasteraan ini dapat diketengahkan kepada generasi muda. Oleh itu, menerusi subjek Bahasa Melayu yang mengetengahkan komponen sastra, secara harafiahnya, elemen patriotisme dapat diterapkan dalam minda generasi muda menerusi hasil karya yang menjurus kepada elemen tersebut.

Selanjutnya, Chew Fong Peng (2009: 1) dan Samat Buang (2004: 21) memperkatakan bahawa suatu inovasi tercipta dalam dunia pendidikan Bahasa Melayu iaitu KOMSAS. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) bermatlamat untuk mewujudkan modal insan yang setara dan harmonis dari segi perasaan, kerohanian, jasmani dan intelek dapat ditelusuri melalui pengajaran KOMSAS. Melalui bahan bacaan sastra yang banyak memperlihatkan pelbagai citra masyarakat, nilai dan pengajaran maka penerapan nilai murni dapat digarap dalam kalangan murid dengan sebaiknya (Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil, 2017:52). Hal ini adalah kerana kesusasteraan Melayu merupakan manifestasi kesenian yang mencerminkan masyarakat dan kebudayaan melalui alat yang meninggalkan kesan.

Di samping itu, KOMSAS juga berupaya menyerapkan nilai-nilai murni yang berlaku dan murid dapat memahami manusia di persekitarannya lantas mendorong tindakan untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis. Lanjutan itu, huraian sukatan mata subjek Bahasa Melayu KBSM menggariskan bahawa penyerapan nilai murni yang merangkumi elemen patriotisme adalah untuk mewujudkan generasi muda yang berakhlak mulia dan baik. Selain itu, amalan dan penghayatan nilai murni bermatlamat untuk melahirkan insan yang berperibadi mulia dan berhemah tinggi. Konotasinya, secara langsung atau tidak langsung, kesedaran dan pemahaman terhadap nilai-nilai murni masyarakat Malaysia perlu disuburkan selaras dengan nilai sejagat.

Seterusnya, menerusi KOMSAS, elemen patriotisme dapat dipupuk apabila murid membaca dan menghayati hasil karya sastera. Seni bahasa sastera Melayu adalah indah dan tersusun serta mempunyai unsur tersirat dan tersurat. Oleh sebab itu, sastera tidak terhasil dengan sia-sia. Menurut Arba'ie Sujud (2008: 5), sastera terhasil sebagai akibat desakan tertentu dengan mengaplikasi pelbagai sumber yang terdapat di persekitaran. Tafsiran orang yang membaca yang pelbagai, menggamit mereka mempertimbangkan pesanan yang ingin disampaikan. Menurut Nazri Muslim (2004: 1), patriotisme adalah satu nilai atau semangat yang seringkali dikaitkan dengan cinta akan tanah air yang harus difahami oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya generasi muda. Hal ini kerana, luntarnya semangat patriotisme khususnya generasi terkini adalah antara sebab yang mendorong kepada persoalan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat mutakhir ini. Oleh itu, semangat patriotisme perlu dijiwai dan diamalkan oleh warganegara, supaya dapat memberi sumbangan dalam membentuk generasi masa kini yang mulia akhlakunya dan berhemah tinggi.

Generasi muda seharusnya mengamalkan dan berpegang kepada nilai-nilai patriotisme demi kelangsungan negara menghadapi zaman pascamodenisme. Oleh yang demikian, jika kurangnya generasi terkini menghayati nilai-nilai patriotisme akan mengakibatkan anak muda menjadi mangsa kepada kejahatan berbagai-bagai masalah sosial. Maka dengan itu, teks KOMSAS menjadi wahana penting dalam penerapan elemen patriotisme kepada generasi muda.

Sehubungan dengan itu, pemilihan teks KOMSAS telah dilaksanakan mengikut prosedur/peraturan pemilihan dan mengambil kira beberapa pertimbangan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Menurut Sri Murniati (2011: 51), PPK menubuhkan jawatankuasa untuk memilih karya, yang diwakili oleh guru, pensyarah, penggiat sastera, sasterawan dan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, karya KOMSAS yang dipilih juga perlu mempunyai nilai-nilai murni khususnya patriotisme supaya dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotik yang menjadi antara suatu elemen penting untuk melahirkan sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu serta berjaya. Matlamat pendidikan ialah membolehkan murid menghayati nilai-nilai murni daripada aspek sejarah, rohani, insaniah, budaya dan kewarganegaraan. Sementelahan lagi, menurut Nisah Haron (dalam Muhammad Lutfi Zahid, 2018: 15) bagi menyampaikan sesuatu yang berguna kepada tamadun maka sasteralah medannya kerana sastera adalah satu seni kata-kata yang memberi galakan kepada pembacanya untuk berfikir dan melakukan perkara yang benar dan tepat. Kesimpulannya, setiap hasil kesusasteraan itu pasti mengandungi nilai jati diri, rasa syukur dan patriotisme.

Maka, kajian ini akan memfokuskan penelitian terhadap elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana dari aspek ekonomi, budaya, pendidikan, kesopanan dan kesucilaan serta kerohanian yang terdapat dalam novel KOMSAS.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti aspek patriotisme yang terdapat dalam novel KOMSAS semakan terbaharu dari tahun 2015 sehingga 2021. Persoalan mengenai patriotisme dalam karya-karya sastera seperti novel adalah sangat menarik untuk dikaji. Berdasarkan pengamatan awal terhadap kajian ilmiah sedia ada pengkaji telah mengenal pasti bahawa kajian ilmiah terdahulu tertumpu kepada pemilihan teks, tahap kebolehbacaan teks dan penggunaan KOMSAS sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Menurut Latifah Arifin (Berita Harian, 18 Januari 2016), pemilihan teks Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terus dibelenggu polemik khususnya dalam kalangan penggiat sastera dan pengguna media sosial sehingga memerlukan penilaian lebih teliti dan penambahbaikan pemilihan. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian oleh Siti Zakiah Mat Noor (2005), Nik Hassan Nik Ab. Kadir (2007), Ariff Mohamad (2009), Murad Salleh (2009), Maszuraini Maswan (2009), Chew Peng Fong (2009), Hafizah Iszahanid (2011), M. Perry (2011), Hafizah Iszahanid (2012), Izra Abdul Rahman (2014), dan Siti Haliza Yusop (2016).

Dapatan - dapatan kajian ini antaranya memperlihatkan kesesuaian teks KOMSAS diajar kepada murid-murid, nilai kebolehbacaan novel-novel KOMSAS tidak sesuai dengan tahap kebolehbacaan kumpulan sasaran, kekerapan buku teks yang digunakan oleh guru membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, rombakan kandungan cerita novel KOMSAS agar sesuai dengan pembaca sasaran, penggunaan istilah dalam novel berkaitan bersifat perkauman, teks KOMSAS tidak mencerminkan realiti masyarakat berbilang kaum di Malaysia, gesaan pemilihan teks KOMSAS dikaji semula dan pemilihan teks KOMSAS yang dikatakan kurang menepati matlamat KOMSAS SPM iaitu untuk membentuk pembangunan diri dan memupuk nilai murni dalam kalangan murid. Dapat dilihat bahawa kajian-kajian ilmiah ini rata-rata memperakukan tentang kesesuaian karya-karya sastera yang dikaji itu dijadikan sebagai teks KOMSAS.

Seterusnya, terdapat juga kecenderungan daripada kajian-kajian ilmiah yang mengkaji unsur-unsur dan nilai-nilai patriotisme dalam karya sastera. Nilai-nilai patriotisme yang sering menjadi tumpuan pengkaji terdahulu adalah berkaitan dengan semangat cinta akan negara, rasa sayang terhadap bangsa, sanggup berkorban dan anti penjajahan, nilai berani, taat dan ikhlas, dan perasaan bangga terhadap negara dan sering berulang. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian Dhian Pramono Sakthy (2012), Nor Suhaili Saharudin (2013), serta Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat (2014), yang menganalisis semangat patriotik dan nasionalisme berdasarkan beberapa buah novel KOMSAS dengan menggunakan Teori Takmilah. Daripada sejumlah 19 buah novel dalam KOMSAS semakan kali kedua yang dianalisis bersandarkan tujuh prinsip dalam teori Takmilah yang bermatlamat untuk membentuk kesempurnaan dalam kehidupan insan. Analisis nilai patriotik ini meliputi hubungan budaya bangsa, kecintaan kepada tanah kelahiran dan penamaan sesuatu berdasarkan nilai sejarah. Seterusnya, kajian Riana Sandri (2016), Aga Fransiskho Ginting (2017), Rini I Anggrain, Syofiani dan Romi Isnanda (2017), Fatchul Ulum (2018), Nurmasyitah (2018), Moch

Syaiful (2018), Rico Al Harizn (2020), Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi (2021). Kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa nilai-nilai patriotisme ini sering menjadi tumpuan pengkaji terdahulu dalam memperakukan bahan sastera yang dikaji mempunyai nilai-nilai patriotisme yang dapat memperkukuh adanya mesej-mesej yang baik dalam sesebuah novel.

Selanjutnya, berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian yang terdahulu juga menyerlahkan beberapa pemahaman penting terhadap fokus kajian yang dikaji. Kajian yang menyentuh tentang unsur patriotisme dapat dikesan dalam kajian-kajian lepas seperti tesis di peringkat sarjana, jurnal, buku, bab dalam buku dan artikel eceran yang lain yang diperlihatkan dalam pelbagai bentuk dan dimensi. Contohnya, kajian patriotisme dapat dilihat dalam bentuk filem, dan lagu-lagu patriotik seperti kajian Abdul Aziz bin Dollah (2003) dan Mahat Jamal (2015). Menerusi kedua-dua kajian ini, pengkaji memberi penekanan bahawa menerusi filem dan lagu-lagu patriotik, semangat patriotisme ini dapat dijelmakan. Namun begitu, kesan patriotisme ini agak longgar berdasarkan dapatan pengkaji.

Selain itu, kajian tentang patriotisme dapat dilihat menerusi kajian tentang drama, cerita rakyat, puisi, cerpen, kertas kerja dan artikel seperti kajian oleh Hashim Awang (1995), Mana Sikana (1995), Nor Suhaili Saharudin (2013), Ahmad Sani Sabri (2014), Aminudin Mansor (2017), Fatchul Ulum (2018), Nurmasiyithah (2018), Moch Syaiful (2018), Ainul Huda Mohamed Saaid (2018), Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian, dan Azhar Md. Sabil (2019), Arwan, Muhammad & Ukhrawiyah, Faizetul (2020), Saripah Dora Ismail dan Azhar Wahid (2020) dan Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi (2021). Isu-isu patriotisme yang diketengahkan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan corak dan kepelbagaian konsep patriotisme, nilai-nilai patriotisme, persoalan-persoalan patriotisme dan nasionalisme menerusi novel-novel Melayu, konsep patriotisme peribadi dan patriotisme rasmi, konsep 'patriotisme' dapat didefinisikan dengan lebih tepat setelah mempelajari novel serta membicarakan tema patriotisme dalam karya sastera.

Seterusnya, pengamatan pengkaji terhadap novel KOMSAS pula mencakupi kecenderungan pengkajian terhadap teknik pemikiran, perbandingan kecenderungan struktur KOMSAS, hubungan estetik dan nilai KOMSAS, kemahiran berfikir kritis, analisis kesopanan, resepsi dan persepsi terhadap aspek KOMSAS. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian oleh Nik Rafidah Nik Ariffin (2005), Lim Swee Tin (2005), Ab Rahman Ab Rashid (2006), Khairuddin Mohamad (2008), Chew Peng Fong (2009), Noraslan Norasim (2010), Noor Hatini binti Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011), Maisarah Yaacob (2017), Zamri Muhammad serta Jamilah Hassan (2018), Nurhamizah Hashim, Nur Yuhanis Mohd Nasir, Hashim Ismail, Eizah Mat Hussain, dan Nurul Syahidah Tahir (2018), Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian, dan Azhar Md. Sabil (2019), Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) serta Mohd Isha Awang, Husairi Hussin, dan Nor Hasimah Ismail (2020). Kajian-kajian ini menyerlahkan kecenderungan pengkaji terhadap unsur-unsur intrinsik dalam teks KOMSAS, serta penerimaan murid-murid terhadap novel serta bahan KOMSAS.

Selanjutnya, berdasarkan pengamatan pengkaji, kajian lepas juga lebih tertumpu kepada amalan-amalan murni, nilai modal insan, kesantunan berbahasa serta nilai-nilai perpaduan dalam teks KOMSAS. Hal ini dapat menerusi kajian Noraslan Norasim (2010), Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012), Sara Beden (2016), Nurul Raihana Abdullah (2017), Maisarah Yaacob (2017), Norasiah Abdullah (2018), Mohd Isha Awang, Husairi Hussin, dan Nor Hasimah Ismail (2020). Dapatan kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks-teks KOMSAS yang dikaji dianggap sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPK) yang menekankan matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta menepati Kurikulum Standard Sekolah Menengah Kebangsaan (KSSM) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, kebanyakan kajian yang terdahulu berkaitan dengan kajian teks novel KOMSAS merupakan kajian-kajian ilmiah yang diusahakan pada skala sederhana iaitu meneliti novel KOMSAS dalam jumlah yang kecil. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian pada peringkat doktor falsafah dan sarjana iaitu Siti Zakiah Mat Noor (2005) yang meneliti dua buah novel KOMSAS, Ariff Mohamad (2009) yang meneliti lima buah novel KOMSAS, Murad Salleh (2009) meneliti sebuah novel KOMSAS, Maszuraini Maswan (2009) meneliti lapan buah novel KOMSAS, Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) yang meneliti dua buah novel KOMSAS, Sara Beden (2016) yang meneliti sebuah novel KOMSAS, begitu juga dengan Nurul Raihana Abdullah (2017) yang meneliti sebuah novel KOMSAS.

Kajian-kajian ilmiah berbentuk artikel pula tentang novel KOMSAS dapat dilihat menerusi kajian Chew Peng Fong (2009), Noraslan Norasim (2010), Maharam Mamat, Maisarah Yaacob, Norasiah Abdullah (2012), Izra Abdul Rahman (2014), Siti Haliza Yusop (2016) Zamri Muhamad dan Jamilah Hassan (2018), Nurhamizah Hashim, Nur Yuhanis Mohd Nasir, Hashim Ismail, Eizah Mat Hussain, dan Nurul Syahidah Tahir (2018), Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020), Mohd Isha Awang, Husairi Hussin, dan Nor Hasimah Ismail (2020), serta Saripah Dora Ismail dan Azhar Wahid (2020) yang kesemuanya meneliti sebuah novel KOMSAS. Hal ini dengan sendirinya mengundang sebuah kajian ilmiah yang meneliti novel KOMSAS dalam jumlah atau bilangan yang lebih besar dan komprehensif, iaitu berjumlah 20 buah teks KOMSAS semakan terbaharu bagi kegunaan murid dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima mulai tahun 2015 hingga tahun 2021.

Secara keseluruhannya dan tanpa menafikan sumbangan ilmiah yang telah diberikan oleh kajian-kajian yang sedia ada seperti yang diamati di atas, pengamatan ini berhasil mengenal pasti beberapa ruang atau lompong kajian yang berpotensi untuk dikaji. Kekangan dan keterbatasan kajian-kajian terhadap teks KOMSAS ini menyerlahkan kelompongan yang ketara terhadap novel-novel KOMSAS untuk diteliti dan diamati dari aspek elemen patriotisme secara meluas dalam korpus penyelidikan dan keserjanaan berkaitan dengan novel-novel KOMSAS ini. Hal ini juga mencetuskan keinginan pengkaji untuk terus mengamati kajian elemen patriotisme dalam teks novel KOMSAS berdasarkan

konsep 'patriotisme' tokoh sarjana iaitu kajian mengenai elemen patriotisme ekonomi, patriotisme budaya, patriotisme pendidikan, patriotisme kesopanan dan kesusilaan serta patriotisme kerohanian.

Selain itu, setelah pelaksanaan KOMSAS pada tahun 2000 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diperkenalkan, didapati bahawa kajian secara menyeluruh tentang keberkesanan bahan KOMSAS dalam pemupukan elemen patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan murid masih belum meluas. Begitu juga dengan teks novel KOMSAS yang diguna pakai sebagai bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu tidak menyentuh kepada elemen patriotisme secara khusus kerana kebanyakannya lebih berfokus kepada nilai-nilai murni, pemilihan teks, tahap kebolehbacaan dan pemilihan teks, persepsi murid, kesantunan berbahasa, penggunaan buku teks, unsur Eufemisme dan sebagainya. Oleh itu, melalui kajian ini kesemua buku teks novel KOMSAS semakan terbaharu dari tahun 2015 hingga 2021 akan dinilai dan dikaji. Hal ini penting, sebagai panduan dan langkah menyeluruh kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan sistematik dan lancar. Sehubungan itu, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah untuk menilai elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana terhadap teks novel KOMSAS yang diguna pakai dalam KOMSAS dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Kajian ini akan diteliti berdasarkan unsur intrinsik dalam setiap novel yang dikaji untuk mengklasifikasi, menganalisis serta merumuskan elemen patriotisme dalam novel KOMSAS. Kajian ini akan meneliti 20 buah teks novel KOMSAS dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan kajian yang berbeza daripada kajian-kajian terdahulu. Hal ini bagi memperlihatkan kesimpulan keseluruhan yang membawa kepada elemen patriotisme penting dalam novel-novel yang dipilih ini.

1.3 Persoalan Kajian

- a) Apakah elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana terdapat dalam novel-novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?
- b) Apakah elemen patriotisme dimanifestasikan dalam novel-novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?
- c) Apakah elemen patriotisme yang dominan dalam novel-novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berdasarkan tiga objektif berikut:

- a) Mengklasifikasi elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme'

tokoh sarjana dalam novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

- b) Menganalisis elemen patriotisme yang dimanifestasikan dalam novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- c) Merumus elemen patriotisme yang dominan dalam novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Bertitik tolak daripada permasalahan berkaitan dengan elemen patriotisme dalam teks novel KOMSAS menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu maka pengkaji berpendapat bahawa kajian ini wajar dilakukan. Selain itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk mengklasifikasi elemen patriotisme dalam novel dan memperlihatkan rumusan elemen patriotisme yang dominan dalam teks novel KOMSAS semakan terbaharu. Memandangkan tumpuan terhadap elemen patriotisme masih terbatas, maka pengkajian ini diharapkan berupaya menambah khazanah dalam bidang Kesusasteraan Melayu menerusi aspek patriotisme dengan penggunaan bahan KOMSAS. Maka dengan itu, kekurangan dan keterbatasan kajian ini perlu dipertimbangkan supaya dapat memperkasakan keutamaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dari aspek penyemaian elemen patriotisme kepada generasi muda. Kajian ini diharapkan mampu menjadi penggerak terhadap pengkajian yang terbaharu yang berkaitan dengan penggunaan bahan KOMSAS yang mengkhusus terhadap isu patriotisme.

Selain itu, kajian ini diharap memberi input terhadap sesebuah negara kerana hasil maklumat yang baharu dapat menyampaikan sumber-sumber maklumat yang terkini dan berguna kepada negara. Maklumat-maklumat yang terkini dapat dikongsi bersama dalam menentukan setiap hasil kajian memberi kebaikan kepada umum khususnya. Kajian ini juga diharapkan berupaya menjadi sumber rujukan dan memberi sumbangan tentang aspek patriotisme yang dikaji menggunakan bahan KOMSAS sebagai panduan kepada penyelidik-penyelidik dalam meneliti aspek patriotisme dalam kajian yang seterusnya. Hal ini sangat penting dalam membina kemahiran insaniah dan membentuk jati diri yang berkualiti dalam kehidupan bermasyarakat pada masa akan datang.

Seterusnya, masyarakat dapat manfaat daripada kajian ini apabila kajian ini memberi pendedahan yang berguna melalui penerokaan terhadap elemen patriotisme yang terkandung dalam novel-novel tersebut. Dengan cara ini, masyarakat dapat melihat gambaran sebenar elemen patriotisme yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui paparan peristiwa dan watak-watak yang diketengahkan oleh pengarang dalam mendidik masyarakat supaya dapat mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai patriotisme yang teguh dalam membentuk sebuah negara yang maju dan berdaulat. Masyarakat dapat belajar berdasarkan penampilan yang baik, tindakan berhemah, penghayatan dan peniruan

terhadap aksi, tingkah laku positif dan semangat patriotik yang jitu oleh watak-watak dalam genre yang menjadi bahan KOMSAS.

Selain itu, semoga kajian ini berupaya menjadi bahan rujukan kepada pihak yang mempunyai kaitan dengan pemilihan bahan-bahan karya sastra untuk dijadikan teks supaya mempelbagaikan bahan-bahan bacaan mengikut tema yang sesuai dengan jiwa remaja dalam memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme. Pemilihan bahan-bahan karya sastra yang berkaitan dengan sejarah dalam memupuk nilai patriotisme, nilai nasionalisme dan jati diri remaja perlu diperbanyak serta perlulah dilaksanakan dengan teliti supaya mutunya terjamin dan bersesuaian dengan remaja pada peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Pengkaji juga mengharapkan agar tulisan pengarang dalam menghasilkan karya-karya sastra yang bermutu dapat menjadi pemerhati dan pemikir yang tajam, mencurahkan sesuatu yang bermakna, merungkaikan sesuatu yang tersurat dan tersirat dalam memanifestasikan kepincangan realiti kehidupan serta dapat memberi sokongan untuk memahami segala aspek kemanusiaan tanpa meminggirkan estetika dan idealismenya. Selain itu, karya sastra juga diharapkan dapat benar-benar membijaksanakan dan mempunyai daya mempertajam persepsi dan apresiasi masyarakat. Diharapkan kajian ini akan membantu masyarakat melihat karya sastra Melayu seperti novel dari perspektif yang berbeza, tidak hanya menganggapnya sebagai cerita rekaan dan alat hiburan semata-mata.

1.6 Batasan Kajian/Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini terdapat dua aspek penting yang telah dikenal pasti untuk dijadikan dasar dalam batasan kajian. Dua aspek penting dalam batasan kajian adalah seperti berikut:

1.6.1 Batasan Bahan

Kajian ini akan memberikan fokus kepada teks sastra KOMSAS yang diguna pakai pada tahun 2015 hingga 2021 setelah semakan semula oleh panel penilai teks KOMSAS di sekolah-sekolah. Terdapat 20 buah novel yang akan difokuskan dalam kajian ini. Novel-novel ini merupakan novel KOMSAS untuk murid menengah rendah dan menengah atas. Novel-novel yang digunakan ialah:

Jadual 1.1: Teks Novel KOMSAS Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima

a. Peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)		
Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3
<i>Formula Termodinamik</i> – Obasiah Haji Usman	<i>Jejak Monpus</i> - Zulaiha Paikon	<i>Hempasan Ombak</i> - Zailiani Taslim
<i>Sejambak Bakti</i> – Rejab F.I	<i>Meniti Impian</i> – Osman Ayu	<i>Tawanan Komander Caucasus</i> - Ruzaini Yahya
<i>Pelari Muda</i> – Ghazali Ngah Azia	<i>Jalan ke Puncak</i> - Juri Durabi	<i>Justeru Impian di Jaring</i> - Zaid Akhtar
<i>Destinasi Impian</i> – Mohd Ismail Sarbini	<i>Setitik Darah Di Semantan</i> - Arman Sani	<i>Beruk @ Chot</i> - Azizi Haji Abdullah
b. Peringkat Menengah Atas (SPM)		
Tingkatan 4	Tingkatan Lima	
<i>Pantai Kasih</i> - Azmah Nordin	<i>Novel Songket Berbenang Emas</i> - Khairuddin Ayib	
<i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> – Abdul Latip Talib	<i>Novel Silir Daksina</i> – Md. Nizar Parman	
<i>Di Sebalik Dinara</i> – Dayang Noor	<i>Tirani</i> - Beb Sabariah	
<i>Jendela Menghadap Jalan</i> – Ruhaini Mat Darin	<i>Bimasakti Menari</i> - Sri Rahayu Mohd Yusop	

Rasional memilih 20 buah novel yang dijadikan sebagai teks KOMSAS untuk kegunaan sekolah menengah dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima adalah kerana novel-novel ini merupakan novel-novel semakan terbaharu yang telah dipilih menggantikan novel-novel sebelum ini setelah semakan semula dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Komponen sastera (KOMSAS) ini wajib dipelajari oleh semua murid di sekolah menengah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2015 bertarikh 5 Mac 2015. Pertukaran teks ini dilakukan sejajar dengan perubahan zaman dan sebagai persediaan kepada murid untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Oleh itu, pengkaji memilih 20 buah novel ini sebagai bahan kajian.

Seterusnya, pengkaji memilih novel-novel ini adalah kerana KOMSAS telah diperkenalkan dalam kurikulum sekolah menengah sejak tahun 2000 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2000 bertarikh 23 Februari 2000 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2000 bertarikh 18 Februari 2000). Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam mata

pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid serta memperkukuh kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran KOMSAS diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi murid serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan. Aspek patriotisme merupakan aspek yang perlu diketengahkan kepada murid-murid dalam mendepani dunia alaf baru abad ke-21. Novel KOMSAS merupakan bahan yang paling dekat dengan generasi muda pada hari ini untuk diterapkan aspek patriotisme secara langsung atau tidak langsung.

Selanjutnya, pemilihan novel-novel ini adalah kerana semua pelajar di seluruh negara diwajibkan untuk mendalami teks novel KOMSAS mengikut zon yang telah ditetapkan iaitu Zon 1 yang untuk negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, Zon 2 untuk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan, Zon 3 untuk Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan manakala Zon 4 terdiri daripada negeri Johor, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh itu, novel-novel yang dipilih adalah tidak sama dan berbeza bagi setiap zon. Hal ini sejajar dengan kajian pengkaji untuk melihat aspek patriotisme dari sudut yang berbeza daripada kajian-kajian sebelumnya berkaitan dengan elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana dalam teks novel KOMSAS yang diguna pakai oleh semua murid dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

Selanjutnya, menerusi novel-novel yang dipilih terdapat pelbagai kisah dan tema yang diketengahkan oleh pengarang. Oleh itu, diyakini pemilihan novel-novel ini sesuai dengan medan uji kajian untuk melihat aspek patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya-karya mereka.

1.6.2 Batasan Aspek

Kajian ini dibataskan kepada elemen patriotisme yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji. Elemen-elemen yang akan disentuh oleh pengkaji adalah seperti elemen patriotisme ekonomi, elemen patriotisme budaya, elemen patriotisme pendidikan, elemen patriotisme kesopanan dan kesusilaan serta elemen patriotisme kerohanian. Elemen-elemen ini adalah berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana yang telah dikenal pasti oleh pengkaji untuk meneliti novel-novel yang dikaji. Elemen-elemen patriotisme yang terdapat dalam novel adalah penting kepada generasi muda untuk memupuk nilai patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan mereka terutamanya dalam konteks struktur seperti tema, plot, dan watak dan perwatakan utama novel. Lima aspek patriotisme ini akan diteliti dan dikenal pasti untuk melihat kehadirannya dalam novel-novel KOMSAS menggunakan teori yang sesuai sebagai dokongan terhadap kajian pengkaji. Hal ini penting bagi memastikan bahawa hasil dapatan pengkaji dapat menjawab objektif-objektif kajian yang telah digariskan.

Analisis yang akan dibuat adalah berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Berdasarkan teori ini, pengkaji menggunakan dua kaedah yang terdapat dalam teori ini iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagaamaan. Terdapat enam pendekatan yang akan diguna pakai iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat daripada Pengkaedahan Alamiah manakala Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni daripada Pengkaedahan Keagamaan. Pemilihan teori ini digunakan adalah kerana teori ini didapati amat bersesuaian untuk mengkaji elemen patriotisme iaitu patriotisme ekonomi, patriotisme budaya, patriotisme pendidikan, patriotisme kesopanan dan kesusilaan serta patriotisme kerohanian dalam teks novel KOMSAS. Hal ini kerana, pengkaji mendapati bahawa tema novel-novel KOMSAS yang pelbagai seperti dalam bidang sains, ekonomi, politik, dan sosial, sangat sesuai dijadikan bahan yang boleh diteroka oleh pengkaji dalam meneliti lima elemen patriotisme berdasarkan konsep 'patriotisme' tokoh sarjana. Menurut Jumali Selamat (2009:21), Teori Pengkaedahan Melayu dianggap amat bermakna, bersesuaian dan mampu menganalisis karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh para penulis terutama pengkarya tempatan. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan teori ini sebagai landasan kajian.

Menerusi teks KOMSAS yang dikaji, fokus utama yang akan dilihat ialah pengarang memantapkan elemen patriotisme yang lebih mendalam berdasarkan rasa sayang dan cinta pada negara menerusi kriteria yang berbeza daripada biasa iaitu semangat patriotisme ini dilihat dari segi ekonomi, budaya, pendidikan, kesopanan dan kesusilaan serta dari segi kerohanian. Seperkara yang perlu dijelaskan di sini, pengkaji akan berfokus kepada lima elemen patriotisme ini yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Bersesuaian dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang akan pengkaji gunakan iaitu berlandaskan kehidupan dan kebudayaan Melayu. Hal ini kerana masyarakat Melayu menjadikan alam sebagai sumber dan ilham mereka dalam melahirkan karya-karya mereka. Karya-karya yang dihasilkan berlandaskan alam dan masyarakat Melayu mempengaruhi sebahagian besar dunia kesusasteraan Melayu yang melambangkan jati diri bangsa Melayu sebagai wadah dan warisan budaya bangsa.

Patriotisme dan masyarakat Melayu mempunyai perkaitan yang erat. Masyarakat Melayu yang merupakan penduduk peribumi di Tanah Melayu memahami patriotisme sebagai ikatan diri secara individu atau kolektif dengan raja dan pemimpin yang terdiri daripada bangsa Melayu (Anuar Ahmad, 2014:5). Semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh generasi terdahulu sanggup berkorban demi mempertahankan negara adalah contoh yang patut dihidupkan sepanjang masa. Hal ini dapat dilihat apabila orang Melayu menggambarkan budaya fikiran dan akal budi mereka untuk disampaikan dalam kalangan khalayak melalui penulisan dalam pelbagai genre sejajar dengan cara dan sikap hidup, kepercayaan, dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam melahirkan karya sastera itu sendiri.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini berorientasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dalam usaha untuk mendapat dan mengumpulkan data yang diperlukan. Kajian perpustakaan dilakukan adalah untuk mengumpulkan maklumat bertulis bagi memperkukuhkan hujah serta data awal seperti membaca novel-novel, tinjauan literatur serta maklumat tentang bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian tersebut. Pengkaji juga menggunakan kaedah bacaan rapi bagi meneliti setiap novel tersebut. Manakala, teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang digunakan sebagai landasan penganalisisan untuk menganalisis dan memahami teks.

Selain itu, bahan-bahan yang dibaca bertujuan untuk mengenal pasti bahawa karya sastera yang dipilih oleh panel KOMSAS amat penting dalam pendidikan generasi kini. Bagi mendapatkan maklumat ini, pengkaji menelitinya menerusi tesis, jurnal, majalah, akhbar, kertas kerja, laporan, buku dan sebagainya. Kajian perpustakaan ini melibatkan Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Perpustakaan Utama (UM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Pendeta Za'ba (UM), Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI) Perpustakaan Hamzah Sendut (USM) dan pusat sumber di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) di Putrajaya serta sumber internet.

1.8 Definisi Operasional

Menerusi kajian ini, terkandung beberapa istilah yang perlu difahami bagi memudahkan kajian terhadap tajuk yang menjadi pilihan pengkaji berdasarkan pernyataan masalah yang timbul. Penjelasan konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:

1.8.1 “Patriotisme”

“Patriotisme” adalah perasaan sayang yang mendalam akan tanah air berdasarkan kesedaran individu terhadap kerakyatannya dan ketaatan tertinggi sehingga sanggup mengorbankan nyawa demi ibu pertiwinya. Melalui “patriotisme”, bangsa akan menjadi gagah, memiliki mental yang kental, emosi dan fizikal serta kuat dalam membina ketahanan nasional dan menghadapi cabaran akan datang (Shafezah Abdul Wahab, Berita Harian, 22 Ogos 2017). Menurut seorang tokoh dari barat iaitu Reyskowski (1997: 108),

“patriotism was described as a kind of psychological disposition underlying the specific feeling, attitudes, and forms of behavior focused on ones country. In others words, it is a concept that refers to some

concrete psychological phenomena, such as attachment of group members to the country in which they reside...reflected in beliefs and emotion..."

Reykowsky berpendapat bahwa 'patriotisme' dapat digambarkan sebagai satu pembawaan psikologi di bawah satu perasaan yang khusus, sikap dan pelbagai bentuk perlakuan yang berfokus kepada sesebuah negara. Dalam erti kata yang lain, "patriotisme" adalah satu konsep yang merujuk kepada sesetengah fenomena psikologi yang konkrit seperti penempatan sekumpulan manusia dalam sesebuah negara yang mereka diami serta tercermin dalam kepercayaan dan emosi.

Bagi Muhamad Ali Embi (2009: 1), "patriotisme" adalah satu perkara yang sangat mustahak bagi setiap warga dalam sesebuah negara. Patriotisme menuntut kepada penghayatan oleh setiap warganya, bukan hanya luahan perasaan. "Patriotisme" adalah sesuatu yang luhur yang melibatkan soal ketaatan, kemerdekaan, jati diri, kewarganegaraan, keyakinan, keberanian, dan kedaulatan, bukan hanya sekadar semangat sahaja. Oleh itu, "patriotisme" ialah perjuangan yang harus dijiwai demi kedaulatan bangsa, agama, dan negara, serta mampu memperlihatkan daya juang yang tertinggi demi taraf, status serta pengaruh agama, nusa dan bangsa. Soal negara adalah bersinonim dengan soal bangsa (Abd Rahim Abd Rashid 2004: 5). Hal ini adalah kerana bangsa yang mendiami sesebuah negara. Oleh itu, bangsa yang menentukan kedudukan serta jatuh bangun sesebuah negara.

Sementara itu, Awang Had Salleh (1995:1) menyatakan bahawa "patriotisme" memberi makna akan kehadiran kriteria berikut dalam kalangan rakyat sesebuah negara, iaitu rasa sayang dan cinta terhadap tanah air sendiri; kedua, rasa bangga dengan tanah air, ketiga, kesediaan mempertahankan tanah air daripada ancaman dan serangan musuh; keempat, kesediaan membela kepentingan negara apabila dicemuh dan dihina; kelima, dalam keadaan keterlaluan, sampai sanggup mengatakan *my country, right or wrong* (tanah airku, salah atau benar). Kriteria-kriteria ini mencerminkan semangat patriotisme yang jitu oleh individu yang sayang dan cinta akan negaranya. Kepentingan negara menjadi fokus utama dalam menanggapi sebarang cabaran yang timbul sebagai akibat berubahnya ekonomi, politik dan sosial yang berupaya mendatangkan ugutan kepada negara (Muhammad Ali Embi, 2009: 2). Oleh itu, patriotisme mempunyai ciri-ciri yang menonjol dari segi semangat, kenegaraan, kefahaman pemikiran dan gagasan perjuangan.

Seterusnya, M. Prawiro (2020: 1), mengutarakan bahawa "patriotisme" berasal daripada gabungan dua perkataan, iaitu "patria" dan "isme". Perkataan "patria" berubah menjadi patriot yang membawa maksud sikap kepahlawanan atau sikap cinta akan tanah air, sedangkan "isme" merupakan akhiran dalam perkataan yang menandakan kefahaman, ajaran, atau kepercayaan. Selain itu, ada pendapat yang memberi pengertian bahawa patriotisme adalah suatu sikap yang berani, pantang menyerah, dan rela berkorban untuk bangsa dan negara. Menurut Ku Hasnan Ku Halim (Sinar Harian, 31 Ogos 2020), patriotisme bukan hanya sekadar semangat,

namun ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan. Dapat disimpulkan bahawa semangat patriotisme ialah nadi kepada kestabilan, kemajuan, kebebasan, dan kemerdekaan, sesebuah negara.

Selanjutnya, Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004 :1), menyatakan bahawa patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Hal ini membawa pengertian bahawa individu atau kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air seorang patriot dikatakan sebagai seorang yang cinta akan negaranya dan akan membuat apa-apa sahaja untuk mempertahankannya. Oleh itu, patriotisme dan aspek-aspek kenegaraan adalah nilai-nilai penentu kepada jati diri rakyat dan riwayat sesebuah negara bangsa. Pengaplikasian konsep patriotisme dalam kehidupan akan mewujudkan warga yang tinggi jati diri, cinta akan negara dan sanggup berjuang mempertahankan dan memakmurkan negara. Sehubungan dengan itu, individu adalah entiti tunggal masyarakat, patriotisme adalah jiwa warga yang cinta akan negara dan jika individu patriotik ini merupakan seorang Muslim mukmin, maka, lengkaplah hala tuju kehidupan secara holistik (Rosfazila Binti Abd. Rahman & Siti Rashidah Bt Abd. Razak, 2011:2)

Kesimpulannya, patriotisme ialah sesuatu yang abstrak iaitu tidak dapat dilihat namun membabitkan naluri, minda, dan sanubari. Patriotisme juga membabitkan semangat dan keinsafan, roh dan jiwa, serta sayang, kasih dan cinta. Melaluinya, lahir semangat yang universal, murni, dan terhalang daripada sentimen perkauman dan merupakan tindakan semangat juang seseorang berasaskan kepentingan bangsa, agama dan negara. Semangat pengorbanan dan perjuangan ini wujud daripada nilai-nilai kasih, cinta, sayang dan ketaatan kepada tanah tumpah darah dan bangsa. Sehubungan dengan itu, patriotisme merupakan nadi sesebuah bangsa dalam mewujudkan sebuah negara yang teratas di dunia dari segi politik, ekonomi, budaya, pendidikan, kerohanian, tingkah laku yang sopan dan kesejahteraan negara.

1.8.2 “Novel”

Novel pertama yang dihasilkan dalam Kesusasteraan Melayu ialah *Hikayat Faridah Hanum* dikarang oleh Syed Syekh al-Hadi iaitu sebuah novel terjemahan yang diterbitkan pada tahun 1925 dan 1926 (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2007:12). Novel ini menceritakan tentang gelutuan hidup manusia apabila watak dan latar belakang novel ini terdiri daripada golongan bangsawan Arab (Mesir). Manakala, *Kawan Benar* yang dikarang oleh Ahmad bin Muhammad Rasyid Talu merupakan novel Melayu asli yang pertama yang terbit pada tahun 1927. Novel ini menggambarkan watak dan latar di Tanah Melayu serta menggunakan dialek Pulau Pinang. Istilah novel adalah hasil daripada perkataan *novella* atau *novelle* (Bahasa Itali) yang membawa maksud cerita dalam bentuk prosa panjang dan mempunyai isi yang tertentu.

Menurut Rahimah Talib (1991: 47) novel adalah satu dokumentasi sosial yang isinya menyentuh soal-soal kemanusiaan seperti pergolakan jiwa dan perasaan, perjuangan dalam kehidupan, pertentangan pendapat, persoalan cinta, kasih sayang, konflik antara keadilan dan ketidakadilan yang menggauli fikiran dan perasaan masyarakat. Manakala, Rahman Shaari (2001:65) pula berpendapat bahawa novel ialah karya fiksi yang panjang. Di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksi yang lain. Ceritanya mengandungi konflik, percubaan menyelesaikan konflik, puncak dan peleraian. Selain itu novel juga merupakan karangan berbentuk fiksi atau cereka, iaitu cerita rekaan. Ada pandangan yang lain yang mengatakan bahawa novel perlu mempunyai elemen tambahan, iaitu tema, konflik dan gaya. Oleh itu, novel yang baik dikatakan mengandungi unsur penceritaan, sudut pandangan dan dialog.

Kamarudin Hj. Husin (1988:67) mentakrifkan “novel” sebagai sebuah roman yang singkat atau dikenali juga sebagai sebuah prosa reka yang panjang yang di dalamnya termuat sebahagian daripada sebuah kehidupan. “Novel” menurut Mana Sikana (1988:48) ialah karya prosa yang mempunyai tema, perwatakan, sudut pandangan, bahasa, plot dan latar. Menurut Misran Rokimin (2002:10) pula, novel merupakan satu genre kesusasteraan yang dianggap popular dalam kalangan pembaca. Novel menjadi media yang menggambarkan segala macam persoalan sosial merentasi zaman untuk dijadikan bahan renungan dan difikirkan secara bersama-sama oleh sesebuah institusi masyarakat. Novel sebagai satu saluran pengucapan jiwa dan perasaan dalam hubungan ini dapat mewakili sekurang-kurangnya sikap dan tanggapan penulis terhadap apa-apa yang dirasai oleh mereka (Hazami Jahari, 1992:5). Menurut Burhan Nurgiyantoro (2010:10) karya fiksi yang dibangun oleh unsur-unsur pembangun, iaitu unsur intrinsik dan unsur ekstrinsik merupakan definisi novel. Novel juga menonjolkan watak dan sifat pelaku seperti suatu karangan berbentuk prosa yang mengandungi rangkaian cerita kehidupan seseorang dengan orang lain di sekelilingnya dengan.

Oleh itu, novel ialah satu karya panjang yang dinukilkan oleh pengarang untuk menghasilkan suatu cerita yang mempunyai fokus atau isu yang ingin diketengahkan sebagai sikap, gambaran pemikiran, ideologi, politik, agama, budaya, suasana, dan seluruh pandangan hidup masyarakat terhadap alam sekitar serta sebagai bahan bacaan, panduan dan pengajaran kepada khalayak pembacanya.

1.8.3 “KOMSAS”

Komponen Kesusasteraan Melayu dicadangkan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri Bil.4/99 bertarikh 24 Februari 1999 supaya dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Pusat Perkembangan Kurikulum telah menerima gesaan ini dengan mencadangkan supaya Kesusasteraan Melayu diperkenalkan sebagai satu komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Pada 11 Jun 1999, cadangan ini diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/99. Bagi mencapai matlamat pembinaan insan yang positif terhadap ilmu dalam kehidupan,

maka Komponen Sastera (KOMSAS) dimasukkan dalam pengajaran bahasa (Nawi Ismail, 2018: 12).

Menurut Salbiah Ani (*Berita Harian*, 29 Januari 2008), KOMSAS ialah kata akronim bagi 'Komponen sastera'. KOMSAS merupakan komponen dalam subjek bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pelajar Tingkatan 1 hingga 5 di semua sekolah menengah. Dalam subjek Bahasa Melayu, setiap tingkatan diberi dua buah buku iaitu sebuah novel dan sebuah antologi. Apabila sampai ke tingkatan tiga, mereka sudah membawa enam buah buku. Novel yang dipilih terdiri daripada pelbagai genre yang dihasilkan oleh novelis Malaysia. Novel-novel ini tidak semestinya dikarang oleh Sasterawan Negara. Hal ini kerana, karya-karya Sasterawan Negara dianggap berat, panjang dan hanya sesuai untuk bacaan umum, bukan untuk tahap pemikiran pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) (menggantikan PMR sejak tahun 2014) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kupasan novel termasuk dalam Bahagian B Kertas Bahasa Melayu PMR dan membawa markah 10 % sahaja. Kumpulan pelbagai genre seperti puisi moden dan puisi klasik, cerpen, sedutan teks klasik dan drama dikenali sebagai antologi.

Pengajaran KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu menepati hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang bermatlamat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil, 2017:52) Hal ini bersesuaian dengan kesusasteraan Melayu yang mencerminkan masyarakat dan kebudayaan serta merupakan manifestasi kesenian melalui media yang lebih berkesan. Di samping itu, komponen kesusasteraan Melayu juga membolehkan murid dapat memahami manusia di sekitarnya dan membolehkan penyerapan nilai-nilai murni seterusnya membantu matlamat ke arah berusaha melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Hal ini juga selaras dengan Dasar Pendidikan Negara (DPN) yang berhasrat melahirkan individu yang berperibadi mulia yang kemudiannya menjadi rakyat yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, bahan sastera terutamanya bahan KOMSAS sememangnya penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana banyak faedah diperoleh daripada bahan-bahan tersebut (Mohd Rasdi bin Saamah, 2018:2). Oleh itu pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menepati hasrat yang ingin dicapai oleh DPN dan FPN dalam melahirkan modal insan yang cemerlang menerusi setiap aspek yang diketengahkan.

Secara khususnya, pelaksanaan KOMSAS membolehkan khalayak pelajar membaca sekurang-kurangnya satu novel dan satu teks antologi bagi setiap tingkatan. Aktiviti pembacaan tersebut dijangka dapat memupuk dan meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan pelajar, seterusnya mereka dapat menikmati dan menghayati karya sastera. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk mengenali penulis-penulis dan meneliti sejarah perkembangan sastera tanah air.

1.9 Kesimpulan

Langkah KPM menyetengahkan subjek komponen sastra (KOMSAS) dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu di semua sekolah menengah seluruh negara pada tahun 2000 adalah satu langkah yang tepat dan dapat mentransformasikan bahan yang ada dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada awal tahun 2000. Kemasukan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, bertujuan membuat gantian bahan sastra yang diguna pakai sebelumnya, jelas membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan memberi penilaian yang tinggi terhadap hasil kesusasteraan Melayu.

Sejajar dengan itu, kajian tentang patriotisme menerusi teks novel KOMSAS pilihan adalah sumbangan ke arah memartabatkan kedudukan sastra dalam masyarakat. Novel yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berbentuk cereka yang menyetengahkan sifat yang nyata tentang perihal hidup melalui pemikiran, tema, subjek, watak dan latar yang jelas dan rasional. Kesimpulannya, dengan mengintegrasikan beberapa bahagian penting dalam kajian ini diharap dapatlah menjadi panduan yang bermakna dalam bidang pendidikan kesusasteraan tanah air. Semoga bahan-bahan karya sastra yang bercorak sejarah serta mempunyai nilai patriotik dan nasionalisme diperbanyak agar menjadi bahan yang penting dan tidak terpinggir serta menjadi pilihan pelajar seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan modal insan yang menjadi pemangkin kepada keutuhan agama, bangsa, dan negara.

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an Al-Karim* Terjemahan. (2015). Shah Alam: Karya Bestari.
- A Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab Aziz Mohd Zin et. al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab Ghani, Rohani and Mustaffa, Che Su. (2012). *Meneliti Perbezaan Semangat Patriotisme dan Nasionalisme, Semangat Sukarelawan, Tanggungjawab Sosial, Penghargaan Kendiri dan Persepsi Terhadap Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Berdasarkan Faktor Jantina*. In: Seminar on National Resilience (SNAR) III, 03-05 December 2012, Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka.
- Ab Ghani, Rohani and Sayuti, Rusimah and Mukhtaruddin, Mas Juliana and Mohamed Naim, Asmadi and Abdul Aziz, Abdul Rahman. (2003). Patriotisme di Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial* , 6&7 (6/12). pp. 17-41.
- Abdul Halim Abdullah. (2017). *Belajar Menghormati Orang Lain*. UTMMYHOME. <https://people.utm.my/halim/belajar-menghormati-orang-lain/>
- Abdul Halim Ali. (2013). *Memahami Puisi Melayu Tradisional*. Tg. Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahim bin Abd Rashid. (1999). *Pendidikan sejarah Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2004). *Peranan Pertubuhan Belia dalam Membanteras Gejala Sosial* Dipetik dari http://mpbn.kbs.gov.my/maklumat.pdf/Kertas_Kerja_MPBN.MBM%5B1%5D%20%28m.s%20%2096%20-%20108.pdf
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2004). *Patriotisme :Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ab Rahman Ab Rashid. (2006). *Hubungan Eestetik dan Nilai dengan Latar Belakang Murid dalam Pendidikan Komsas*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Abd Sukor Bin Yusof. (2003). *Pemupukan Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Menerusi Pengajaran Dan Pembelajaran*. (Tesis PhD). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Abd. Ghani Abu. (2009). Patriotisme Relevan Sepanjang Masa. *Dewan Siswa Mac* 2009, hlm 15.

- Abdul Ghoni Ahmad (2017). Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Penggerak Pembelajaran Bermakna. *Majalah Pendidik*. Disember, 2017. Kuala Lumpur: Wardah Communication Sdn. Bhd.
- Abdul Ghoni Ahmad. (2018). Pendidikan Kita Bertaraf Dunia. Rencana *Majalah Pendidikan* Feb 2018: Jilid 120.
- Abdul Aziz bin Dollah. (2002). *Patriotisme dalam Filem Leftenan Adnan*. (Tesis Sarjana). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Latif Abu Bakar. (1984). *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Lafif Abu Bakar. (1996). *Konsep Patriotisme and Nasionalisme*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2001). *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Latif Abu Bakar & Othman Puteh. (2002). *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latip Talib. (2014). *Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (1999). *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim bin Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan, Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahim bin Abd Rashid. (2004). *Patriotisme Agenda Pembinaan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2009). *Patriotisme Kemandirian Kita*. Sintok, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010) *Political Managements and Policies in Malaysia, Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara* (Seminar on National Resilience) UUM
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2014). *Ruang Bicara Semangat Patriotisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Embong, (2001). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Rahman Hanapiah. (1995). Teori New Historicism: Mengkaji Patriotisme dalam Drama Melayu Moden. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 13 (7): 49 – 75.
- Abdul Rahman Nanapiah. (2002). Konsep dan Semangat Patriotisme dalam Drama Melayu Moden. *Jurnal Komunikasi Borneo* (Vol 4,2015)
- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu Use of i-Think Thinking Maps in Understanding KOMSAS Bahasa Melayu, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1)(2017): 51-59
- Abdullah Sani Yahya, (2003). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Janda Baik: PTS Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Abdullah, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee and Mohd. Zain, Mohd. Izani and Abdul Razak, Afifi. (2004). *Kedaulatan dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1996). *Konsep Patriotisme dan Nasionalisme*. Abdul Latiff Abu Bakar dalam Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Malik. (2018, 1 Julai). Merawat Tamadun Bangsa. <https://jantungmelayu.com/2018/07/merawat-tamadun-bangsa/>
- Abu Bakar Nordin (Ed.). (1994). *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abu Bakar Nordin. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kokurikulum*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Abu Hassan Adam. (1994). *Menebus Maruah*. Petaling Jaya: Kumpulan Rusa.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad, Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib. (2016). Konsep Ilmu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. *ISLAMIYYAT* 38(2) 2016: 93 – 102.
- Adnan Khamis. (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pandangan Dan Maklum Balas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan Kamis, & Chew Fong Peng. (1998). *Peranan Sastera Kebangsaan di dalam Pembentukan Integrasi Nasional di dalam Kerangka Pendidikan*. Kertas kerja Seminar Pendidikan Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adorno I W, Frenkel-Brunswlk E, Levinson D J & Sanford R N. (1950) *The Authoritarian Personality*. New York: Harper & Row. *Advanced English*

- Dictionary*. (2000). Federal-Chambers: The National Institute of Education, University of London.
- Affizal Ahmad. (2013). *Kepentingan Pendidikan Dalam Penbentukan Kualiti Hidup Sejahtera Pusat Pengajian Sains Kesihatan*. Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan
- Affifuddin Omar. (22 Ogos 2002). Dasar Bahasa dan Budaya Malaysia Tidak Konsisten. *Berita Harian*. Hlm. 9.
- Ahamad Bin Rahim, Azwani Binti Ismail, Abdul Razaq Bin Ahmad, Zahara Binti Aziz & Sharifah Nur Puteh. (2011). Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Latihan* 3(1): 1-17.
- Ahmad Ali Bin Seman. (2009). Pemupukan Patriotisme Melalui Pendidikan Multikultural dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Perspektif. *Jurnal Ilmu-Ilmu Sejarah, Budaya dan Sosial* 1(2): 28-49.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (2002). *Patriotisme dan Ketahanan Nasional: Suatu Pandangan tentang Kesignifikannya Sebagai Agenda Negara*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Ahmad Mohamad Said. (2009). *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Kajang: Kolej Dar al- Hikmah, Akademi Kajian Ketamadunan & Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Ahmad, Kamarudin and Saleh, Mohamad Idris and Hamdan, Suhana. (2012). *Mengenal pasti Hubungan antara Patriotisme dan Nasionalisme dengan Semangat Kesukarelawan, Tanggungjawab Sosial, Penghargaan Kendiri dan Persepsi terhadap PLKN*. In: Seminar on National Resilience (SNAR) III, 03-05 December 2012, Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka.
- Ahmad Ahmad Rusdi, (2002). *Permasalahan Pelaksanaan Unsur Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri*. Alor Setar: Institut Perguruan Darulaman.
